

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2018

SKEMA JAWAPAN BM2

SOALAN 1

Markah 30 dibahagi kepada :

Isi : 20 markah
Bahasa: 10 markah

Nota

i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
-nama khas
-perkataan berulang
-penggunaan kata sendi di dan ke
-tarikh
-angka yang dituis dengan nombor atau perkataan

ii) kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa
Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu
diperiksa

Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahasa (20 markah)

Asas pemberian markah tertakluk kepada pemberian markah isi

jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah

jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah

jika disalin bulat-bulat, perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan
kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah

jika rumusan kurang daripada 120, markah tidak akan dipotong

[markah Bahasa maksimum : 10 m]

Soalan 1: Rumusan

Pendahuluan

Rumusan membincangkan tugas/fungsi/tanggungjawab sekolah sebagai agen pemupukan
budaya yang luhur dan kekangan yang dihadapi untuk melaksanakannya (2m)

Petikan membincangkan tugas/fungsi/tanggungjawab sekolah sebagai agen pemupukan
budaya yang luhur dalam kalangan pelajar.(2m)

Rumusan membincangkan tugas/fungsi/tanggungjawab sekolah sebagai agen pemupukan
budaya yang luhur dalam kalangan pelajar. (1m)

Petikan membincangkan tugas/fungsi/tanggungjawab sekolah sebagai agen pemupukan
budaya yang luhur dan kekangan yang dihadapi untuk melaksanakannya (1m)

Rumusan membincangkan peranan sekolah sebagai agen pemupukan budaya yang luhur dan
kekangan yang dihadapi untuk melaksanakannya (0m)

Isi tersurat

1. mengawal tingkah laku dan membentuk personaliti pelajar
2. meningkatkan kualiti dalaman dan luaran
3. agen penyebaran pengetahuan
4. wahana untuk merealisasikan matlamat pendidikan negara
5. mendidik generasi yang bertamadun tinggi
6. pemangkin dan agen perubahan sosial
7. menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum yang sihat dan mantap
8. menerapkan nilai murni dan agama sebagai asas keperibadian yang syumul
9. menerapkan aspek perpaduan dan patriotisme dalam kalangan pelajar berbilang agama dan etnik.
10. mengajar mengekalkan corak kehidupan yang dianggap baik
11. mengajarkan kebudayaan kebangsaan

[maks : 6 isi]

Isi tersirat

Kekangan yang dihadapi untuk melaksanakannya.

1. masalah sosial dalam kalangan pelajar yang semakin meningkat
2. pelajar terdedah dengan teknologi melalaikan
3. pengaruh rakan sebaya
4. pelajar tidak berminat menyertai aktiviti kokurikulum

[2 isi]

Kesimpulan

Kesimpulannya, pihak sekolah hendaklah memantapkan peranannya agar generasi yang dilahirkan terbentuk akhlak yang menyeluruh.

[2 m]

Soalan 2 : Pemahaman

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan (2d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntuk sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis.	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/ salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis.	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat Gramatis.	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis.	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis.	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis.	0

Soalan pemahaman

Soalan 2 a

i) maksud rangkai kata - *mampu mendepani segala cabaran*

- boleh menghadapi semua rintangan [2 m]
- mampu menghadapi segala cabaran [1m]

ii) Sebab-sebab sesebuah sekolah ditubuhkan [3 m]

- memenuhi keperluan anggota masyarakat untuk menguasai ilmu pengetahuan
- memenuhi kemahiran bagi keperluan kemajuan dan perkembangan individu secara holistic
- mendidik para pelajar dengan ilmu pengetahuan yang berlandaskan pelbagai bidang.

[maks. 2 isi]

iii) Gejala sosial dalam kalangan pelajar semakin meruncing.

Implikasi yang akan dihadapi sekiranya masalah ini tidak ditangani dengan segera [4 m]

- negara akan kehilangan bakal generasi pemimpin kerana para pelajar terjebak dengan masalah sosial seperti ponteng sekolah dan merokok (1m-isi, 1m-huraian)
- sekolah akan kehilangan peranannya sebagai institusi penting dalam pendidikan (isi) kerana dipandang rendah oleh masyarakat (huraian)
- kehidupan masyarakat tidak lagi harmoni (isi) kerana keselamatan tidak lagi terjamin (huraian)

Soalan 2 (b) : Petikan Cerpen

Markah

(i) Cadangan Ahmad Mutawakkil

P1 - mendesak diri sendiri

1

P2 - mengikis semua tabiat buruk bangsa

1

P3 - berjuang mengubah sikap dan pandangan sempit bangsa

1

[2 isi mencukupi]

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Ciri-ciri pemimpin masyarakat

P1 - memiliki ilmu pengetahuan

P2 - bersikap mesra rakyat

P3 - prihatin terhadap keperluan rakyat

P4 - mampu menyelesaikan masalah dengan cepat dan berkesan

P5 - idea yang bernas

P6 - berusaha memajukan masyarakat

[2 isi mencukupi]

[Maksimum : 3 markah]

(iii) **Satu** persoalan dalam petikan

- P1 - Persoalan pengorbanan perasaan demi negara 1 + 1
H1 - Ahmad Mutawakkil lebih kerap berada di bandar berbanding dengan berada di kampungnya.
- P2 - Persoalan kepentingan semangat patriotisme 1 + 1
H2 - Ahmad Mutawakkil merangsang orang Melayu untuk bersedia bagi mengisi kemerdekaan.
- P3 - Persoalan tanggungjawab dalam melaksanakan tugas 1 + 1
H3 – Ahmad Mutawakkil menjalankan tugasnya untuk mengubah pandangan sempit bangsanya.

[Maksimum : 2 markah]

Satu persoalan daripada keseluruhan cerpen

- P4 - Persoalan keperitan hidup pada zaman penjajah 1 + 1
H4 - Penduduk hidup dalam ketakutan semasa zaman Jepun.
- P5 - Persoalan kepentingan ilmu dalam kehidupan 1 + 1
H5 – Ahmad Mutawakkil bekerja dengan pihak Inggeris kerana pandai bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris.
- P6 - Persoalan kepimpinan pejuang bangsa 1 + 1
H6 - Ahmad Mutawakkil sering mengingatkan penduduk agar tidak menyokong komunis.

[Maksimum : 2 markah]

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Tradisional

Markah

(i) Maksud frasa *bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan?*

- aku bukanlah anak askar upahan atau pencuri yang gagah dan cerdik.

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Barang yang diperolehi Kertala Sari

P1- emas

P2- perak

P3- pakaian

P4 – berpuh-puluh juta pitis

P5 – orang banyak dicurinya

[2 isi mencukupi]

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Cara mengatasi perasaan marah dalam diri

P1- duduk

P2- tenangkan diri

P3- mengambil wudhu / air sembahyang bagi orang Islam

P4 – berdoa

[2 isi mencukupi]

[Maksimum : 3 markah]

Soalan 2 (d) : Seloka

(i) Istana raja dapat dibina

P1 – Baginda menitahkan orang besar empat membina istana 1

P2 - Orang besar empat memanggil Pawang Raja 1

P3 - Pawang Raja memanggil 40 orang tukang dan utas 1

P4 - 40 orang bertukang siang dan malam. 1

[2 isi mencukupi]

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Usaha-usaha yang dapat dilakukan ialah

P1 – Mewujudkan kelas / sekolah / institut kemahiran pertukangan

P2 - melantik pakar yang sedia ada sebagai juru latih atau penasihat.

P3 - kemahiran seni bina didokumentasikan / dibukukan

P4 - mengadakan pertandingan berkaitan kemahiran pertukangan

[2 isi mencukupi]

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Nilai

P1 – Ketaatan / kesetiaan 1 + 1

H1 - orang besar empat menjunjung titah raja untuk membina dan menyiapkan sebuah istana yang dikelilingi parit dan tembok.

P2 - Kerajinan 1 + 1

H2 - 44 orang tukang yang mahir begitu rajin untuk menyiapkan istana raja dengan sanggup bekerja siang dan malam.

P3 - Bekerjasama 1 + 1

H3 - 44 orang tukang bekerjasama dan saling membantu untuk menyiapkan istana raja.

P4 - Bertanggungjawab 1 + 1

H4 - 44 orang tukang yang mahir bertanggungjawab menyiapkan istana raja.

[3 isi mencukupi]

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 3

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan atau rangkai kata yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan/ rangkai kata digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1/2 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak 1/2 markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan/ rangkai kata digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mamatuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak 1/2 markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

Jawapan 3 (a)

- (i) **ulang kaji**
Pelajar kelas 5P1 membuat ulang kaji di Pusat Sumber Sekolah untuk menghadapi peperiksaan pada minggu hadapan.
- (ii) **campur aduk**
“Jangan campur aduk hal peribadi dengan urusan kerja di pejabat,” kata pengurus itu kepada pekerjanya.
- (iii) **biru laut**
Rina dan keluarganya memakai baju raya yang berwarna biru laut.
- (iv) **mendabik dada**
Kita janganlah mendabik dada semata-mata kerana mahukan pengiktirafan.
- (v) **memberi impak**
Kehilangan misteri pesawat MH370 telah memberi impak kepada industri penerbangan Malaysia.
- (vi) **mengorak langkah**
Pihak sekolah telah mengorak langkah dengan mengadakan Program Kecemerlangan untuk memastikan pelajar berjaya dalam peperiksaan SPM.

Jawapan 3(b) : Ayat aktif kepada ayat pasif

- (i) Puan Aishah menasihati Ali agar belajar bersungguh-sungguh kerana peperiksaan hampir tiba.

Ali dinasihati oleh Puan Aishah agar bersungguh-sungguh kerana peperiksaan hampir tiba.

- (ii) Saya telah mencapai keputusan yang baik dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang baru diumumkan pada minggu lepas.

Keputusan yang baik dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang baru diumumkan pada minggu lepas telah saya capai.

- (iii) Kerajaan akan mengambil kira pandangan rakyat dalam membangunkan negara ini.

Pandangan rakyat akan diambil kira oleh kerajaan dalam membangunkan negara ini.

Jawapan 3(c) : Kesalahan ejaan dan imbuhan

- (i) “Saya akan datang kerumah awak pada malam ini jika saya ada lapangan, “ kata Alina kepada Aini.

kerumah - ke rumah
Lapangan - kelapangan

- (ii) Kondaktor bas itu telah marah pekerja asing yang membuat bising di dalam bas itu.

Kondaktor - Konduktor
marah - memarahi

- (iii) Hari Anugerah Cermelang yang diadakan pada setiap tahun adalah untuk dihargai pelajar yang berjaya dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Cermelang - Cemerlang
dihargai - menghargai

Jawapan 3(d) : Kesalahan tatabahasa dan istilah/ perkataan

- (i) Penduduk Taman Seri Murni itu saling tolong-menolong antara satu dengan yang lain untuk mewujudkan majlis rumah terbuka.

saling tolong-menolong – saling menolong/ tolong- menolong
mewujudkan – mengadakan

- (ii) Anak-anak muda sering bertutur kosong di bawah pokok besar di simpang jalan itu di waktu malam.

bertutur – berbual/ bercakap
di – pada

- (iii) Semua soalan yang dikemukakan oleh peguam itu saya telah jawab dengan bukti-bukti yang baik.
**saya telah jawab – telah saya jawab
baik – jelas/ kukuh.**

Jawapan 3(e) : Peribahasa

- (i) Permainan tradisional seperti permainan gasing, wau dan congkak merupakan permainan yang **tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan**, perlu dipertahankan untuk mengekalkan tradisi Melayu.
- (ii) Hanya disebabkan perangainya yang suka mencuri, habis satu keluarganya turut dituduh, bak kata peribahasa **kerana nila setitik, rosak susu sebelanga/ seekor kerbau membawa lumpur, habis semuanya terpalit.**
- (iii) Apabila kita berada di tempat orang, kita hendaklah mematuhi peraturan mereka seperti kata pepatah **di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung / masuk kandang kambing mengembik, masuk kandang kerbau menguak.**

SOALAN 4 NOVEL

4 a) Huraikan dua latar tempat dalam sebuah novel yang anda pelajari. (7 m)

Novel Pantai Kasih – Latar Tempat

Pusat Rawatan Pantai Kasih

- Pusat rawatan mewah milik keluarga Doktor Uwang
- Tempat Rahia bertugas sebagai pakar bedah.
- o Tempat Unong Siron mendapat rawatan pembedahan tulang pinggulnya selama enam kali pembedahan
- o Tempat Doktor Uwang mengalami kekejangan otot kaki dan kemalangan sehingga terpaksa pembedahan dilakukan ke atasnya.
- o Pusat rawatan bagi pesakit-pesakit yang berpendapatan sederhana atau menengah bawah mendapatkan rawatan.
- o Tempat Sister Felicia bekerja dan ditahan oleh penceroboh yang menyamar sebagai doktor.

Apartment Raiha

- o Tempat tinggal Raiha selepas peristiwa hitam kematian anaknya dan dibiarkan hidupnya tergantung-gantung oleh Doktor Sadiz.
- o Tempat Raiha melepaskan penat lelah selepas seharian bertugas di Pusat Rawatan Pantai Kasih
- o Tempat Raiha memendam rasa dan menyendiri serta merasai kesukaran menghadapi peristiwa hitam yang dialami beberapa tahun lalu.

Rumah Tumpangan

- o Tempat Raiha dan anaknya bermalam selepas Raiha membawa anaknya keluar dari rumah agam milik Doktor Sadiz
- o Tidak jauh dari rumah inilah anak perempuan Raiha dan Doktor Sadiz rentung akibat kereta mewah Porsche milik mereka terbakar, kebetulan anak perempuan mereka berada di situ pada waktu itu.

. Rumah Doktor Uwang

- o Tempat tinggal Doktor Uwang dan keluarganya
- o Tempat berlangsungnya sambutan ketibaan tahun baru, sehingga memaksa Doktor Uwang menghantar Sister Felicia dan Doktor Sadiz pulang.
- o Tempat isterinya yang jelita mengurut kakinya di hadapan TV.

Mahkamah

- o Tempat perbincaran kes perceraian Raiha dan juga Doktor Sadiz selepas peristiwa kematian anak perempuan mereka akibat rentung.

1. Wad Super VVIP

- o Salah satu bilik rawatan kelas mewah yang ada di Pusat Rawatan Pantai Kasih
- o Hampir menyerupai bilik hotel bertaraf lima bintang
- o Dihuni oleh pesakit elit bergelar datin
- o Datin sedang mendapatkan rawatan D& C di pusat rawatan itu.

1. Daerah Inanam

- o Tempat Raiha dan Felicia sama-sama belajar di sekolah rendah
- o Tempat tinggal Felicia di muara sungai di daerah Inanam ini

. Hospital Kinabalu

- o Tempat Raiha baharu bertugas di situ.
- o Sempat bertugas beberapa tahun di situ
- o Tempat Sister Felicia berkhidmat sebagai jururawat

Novel Bima Sakti Menari – Latar Tempat

1. Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur.

Nurul Hafsa melalui hari pertamanya bekerja sebagai Pegawai Sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur.

2. Kampung Kuantan

Tempat populasi kelip-kelip semakin berkurangan akibat perbuatan tidak bertanggungjawab manusia.

3. Rumah Prototaip Ikhtiar Tekno Alam

Rumah yang diusahakan oleh Muhamad Taufik yang berkonsepkan mesra alam.

4. Stesen minyak petronas di hadapan hospital

Tempat Muhamad Taufik diculik oleh sebuah van putih.

4 b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, jelaskan satu peristiwa yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca.

Berikan ulasan anda. (8 m)

Novel Pantai Kasih.

Peristiwa Felicia Landosi memohon maaf daripada Raiha atas penglibatan dirinya menjadi budak suruhan membeli minyak petrol oleh Doktor Sadiz yang akhirnya menyebabkan kematian anak Raiha iaitu Rohayu yang tidak bersalah. Peristiwa itu sebenarnya memberi keinsafan kepada pembaca bahawa tindakan yang dilakukan tanpa berfikir secara matang/rasional akan memberi kesan yang sangat buruk kepada kita dan orang lain juga.

Novel Bima Sakti Menari.

Peristiwa Nurul Hafsa gigih berusaha mengatasi masalah pencemaran cahaya dan kepupusan kelip-kelip di Kuala Selangor. Beliau dan Muhamad Taufik telah membuat pembentangan mengenai projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor yang bermatlamat untuk mengembalikan kegelapan langit di Kuala Selangor dan memulihkan kembali Kawasan pembiakan kelip-kelip dalam tempoh dua tahun akan datang. Kegigihan dan kesungguhan mereka ini telah menimbulkan keinsafan kepada pembaca yang akhirnya mengajak pembaca agar lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan berusaha mengurangkan pencemaran di dunia ini.